

30 NOV 1999

P/Raya-Megat (Analisis)

KEKALAHAN MEGAT JUNID MENGEJUTKAN

IPOH, 30 Nov (Bernama) -- Kekalahan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob pada pilihan raya umum ke-10 mengejutkan banyak pihak, tetapi penganalisis politik berkata terdapat beberapa faktor yang menyebabkan adanya penentangan terhadap beliau.

Antara sebab utama ialah pengundi kawasan Parlimen Parit, kerusi yang ditandingi Megat Junid, sekali lagi merasakan bahawa mereka terpaksa menerima calon luar dari kawasan mereka.

Megat Junid dan bekas Anggota Parlimen Parit -- Ainon Khariyah Mohd Abas -- berasal dari Pasir Salak, dan rungutan ramai ialah mereka adalah orang luar.

Seorang penganalisis politik yang tidak mahu dinamakan berkata bekas menteri juga mempunyai sedikit masa untuk menyesuaikan dirinya dengan 33,762 pengundi di kawasan Parit, yang mempunyai 74 cawangan Umno.

Megat Junid, yang juga timbalan pengerusi tetap Pergerakan Pemuda Umno dan timbalan pengerusi badan perhubungan Umno Perak, tewas kerusi itu dalam pertandingan satu lawan satu menentang Ustaz Mat Basir Rahmat, pesuruhjaya PAS Parit.

Keputusan menunjukkan Megat Junid memperolehi 10,710 undi berbanding 12,003 undi yang diterima Mat Basir. Penduduk di kawasan itu merangkumi 76.3 peratus Melayu, 19.3 peratus China, 3.5 peratus Indian dan lain-lain 0.9 peratus.

Majoriti daripada mereka adalah petani yang tinggal di sepanjang Sungai Perak.

Kerusi itu secara tradisinya adalah milik BN dengan PAS hanya memenanginya pada 1969.

Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib terkejut dengan kekalahan Megat Junid dan berkata penduduk Melayu di kawasan itu sudah lama menjadi penyokong BN.

Ramli menganggap kekalahan itu berpunca daripada pengundi yang terpengaruh dengan kempen-kempen pembangkang yang tidak mengikut prinsip dan syarat serta peraturan.

Malahan, sumber dalaman berkata penamaan Megat Junid sebagai calon kawasan itu juga mengejutkan kerana sebelum hari penamaan calon pada 20 Nov, Megat Junid membuat persiapan untuk mempertahankan kerusi Pasir Salak, yang dimenangnya sejak 1982.

Kerusi itu dikenali sebagai Hilir Perak sebelum ditukar kepada Pasir Salak.

Dengan merasakan beliau akan dipilih menjadi calon kawasan itu, poster beliau mempertahankan kerusi itu sudah pun dicetak. Pertukaran kawasan pencalonan beliau ke Parit pada saat-saat terakhir itu juga sangat mengejutkan Megat Junid kerana beliau lebih memahami dan sesuai di Pasir Salak.

Satu lagi punca kekalahannya ialah risalah-risalah kononnya dikatakan disediakan Umno yang mengkritik Ulama yang diedarkan tiga hari sebelum hari pengundian, yang lewat diketahui oleh Megat Junid.

Terdapat juga dakwaan bahawa sesetengah anggota parti di Parit gagal berkempen untuk Megat Junid, kata penganalisis itu.

Dilahirkan pada 12 Disember, 1942 di Teluk Intan, Megat Junid memulakan kerjayanya sebagai guru di Teluk Kechai, Alor Setar, Kedah.

Beliau merupakan setiausaha politik Dr Mahathir semasa menjadi Menteri

Pendidikan pada 1976 dan semasa menjadi perdana menteri pada 1981.

Beliau dilantik sebagai timbalan menteri Perusahaan Utama pada 1984 dan sebagai timbalan menteri Dalam Negeri pada Ogos 1986 dan pada Mei 1997, beliau dilantik ke jawatan sekarang.

Di Kementerian Dalam Negeri, beliau terlibat dalam pembanterasan pekerja asing tanpa izin dari negara jiran.

Megat Junid mengahwini Datin Seri Faizah pada 1965 dan mereka mempunyai dua anak lelaki dan seorang perempuan.

-- BERNAMA

MR NAK